



AMANAT... Vina Zahriani sedang berucap.



MERIAH...  
Suasana  
sambutan hari  
raya bersama  
pelajar, ibu bapa  
dan PIBG PML.

## Raya PML bersama Pendaftar UMS dan PIBG berlangsung meriah

NST 6.7.2019 b

KOTA KINABALU: Lebih 150 orang hadir memeriahkan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri Pusat Minda Lestari (PML) bersama Pendaftar Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Pendaftar, ahli jawatankuasa PIBG serta kekitangan dan pelajar-pelajar PML baru-baru ini.

Majlis tersebut bukan hanya bertujuan meraikan hari raya bagi warga PML tetapi juga disatukan dengan program PIBG untuk melantik ahli-ahli jawatankuasa baharu PIBG bagi sesi 2019/2020.

Pendaftar UMS, Vina Zahriani Yusof berkata, pengajuran majlis tersebut dapat mengerakkan hubungan silaturahim antara warga PML, ibu bapa dan kanak-kanak PML yang terdiri dari pelbagai kaum dan agama.

"Penglibatan ibu bapa dan guru dalam program seperti ini diharap dapat memupuk semangat kekitinan selain membantu kanak-kanak menambah dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan

nilai-nilai yang telah dipelajari semasa di taska.

"Peranan utama pihak tas-ka adalah untuk mengerakkan hubungan dalam kalangan kanak-kanak dan juga antara sekolah dan ibu bapa serta masyarakat.

"Syabas dan tahniah saya ucapan kepada PML atas usaha yang dibuat dalam membantu pihak universiti menjaga salah satu kebajikan yang ditawarkan kepada kekitangan UMS," tambahnya.

Terdahulu, Pengarah PML, Aidah Noordin berkata, tema pada kali ini adalah Balik Kampung VS Dendang Perantau.

"Setiap tema yang dipilih mempunyai pengertian yang tersendiri di samping dapat memberi pengetahuan kepada kanak-kanak secara tidak langsung.

"Pembelajaran melalui perhatian amat berkesan kepada kanak-kanak di awal usia," tambahnya.

Hadir sama pada majlis itu, Yang Dipertua Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita (KESUMBA) UMS, Datin Roha Asmara.